

WAJAH cetera salah seorang murid prasekolah di ATAH.

AKADEMI TAHFIZ AL-HIDAYAH kini menaungi 200 orang pelajar untuk diberi didikan duniawi dan ukhrawi.



Konsep holistik Ibu Laila

Merangsang minda anak-anak dengan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan sejak kecil sehingga dewasa.

KITAB suci al-Quran diturunkan sebagai pedoman kepada seluruh umat Islam hingga ke akhir zaman. Di dalamnya terkandung pelbagai mutiara ilmu dan untaian kata yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab sekali pun.

Selagi manusia berpegang teguh dengan segala perintah dan larangan Allah SWT yang terkandung di dalamnya, nescaya mereka tidak akan sesat dalam perjalanan meniti kehidupan di dunia ini.

Berpegang kepada hakikat itu, wanita bernama Roslailawati Mohamad atau lebih mesra disapa Ibu Laila percaya bahawa ia merupakan anugerah Allah yang harus dimanfaatkan sebaik mungkin.

Lantaran itu, dia sentiasa menjadikan kitab tersebut sebagai kaedah utama dalam mendidik dan membentuk anak-anak menjadi manusia berguna pada masa akan datang.

Ibu Laila yang merupakan pengasas Akademi Tahfiz Al-Hidayah (ATAH) berkata, anak-anak yang baru dilahirkan ibarat kain yang suci daripada sebarang noda.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mewarnai kain putih itu dengan cara yang betul dan kaedah terbaik sudah tentu dengan mengikuti pedoman yang digariskan di dalam al-Quran.

“Sebenarnya, dalam kehidupan seharian kita sebagai manusia terdapat dua jenis kekuatan disiplin yang boleh dipelajari iaitu secara tidak sedar (informal) dan harian (formal).

“Apa yang dimaksudkan dengan pendidikan secara tidak sedar adalah dengan



IBU LAILA menunjukkan kaedah stimulasi bayi pada cucunya sambil diperhatikan Nur Sakinah.

ZULKARNAIN MOHD SAIDIN DAN WAHIDAH ZAINAL

merangsang minda dan nurani seseorang anak melalui ayat-ayat suci al-Quran yang diperdengarkan sama ada melalui bacaan sendiri ataupun pemasangan kaset, cakera padat (CD) dan cakera video digital (VCD),” katanya.

Jelas Ibu Laila, didikan sedemikian

harus dimulakan sewaktu bayi masih di dalam kandungan, diteruskan apabila mereka lahir sehingga menginjak ke alam kanak-kanak dan dewasa.

“Apabila anak-anak ini sentiasa dekat dengan bacaan ayat-ayat suci ini, secara tidak langsung ia mampu memberi ketenangan yang sukar ditafsirkan

dan mereka akan membesar sebagai seorang anak yang cemerlang bukan sahaja di dalam pelajaran tetapi juga akhlak dan peribadi mereka,” tegas ibu kepada tujuh cahaya mata ini.

Berbicara lebih lanjut, wanita berusia 49 tahun itu tidak lokek berkongsi pengalaman dalam mendidik anak kan-

AHMAD ABDUL HADI bersyukur dikurniakan seorang bonda seperti Ibu Laila.

dungnya dan juga anak jagaannya di ATAH dengan menerapkan konsep pembelajaran holistik secara menyeluruh.

Kaedah itu katanya, berupaya memberi impak yang positif terhadap perkembangan minda kanak-kanak terutama jika ia dilakukan ketika mereka masih bayi.

Menurut Ibu Laila lagi, pendidikan awal kanak-kanak harus bermula daripada saat dia dilahirkan hingga berusia tiga tahun.


"Tempoh itu merupakan waktu terbaik untuk kita lakukan stimulasi pada bayi seperti rangsangan fizikal iaitu daripada terlentang, meniarap, merangkak, bertatih, berjalan dan boleh berlari secara *cross patern* (pembelajaran bersifat sinergetik).

"Semua ini amat berkesan untuk memberi rangsangan semaksimum yang boleh untuk perkembangan minda si kecil. Apa yang ibu lihat, anak-anak ibu mempunyai pencapaian yang sangat membanggakan.

"Kami mengajar anak-anak di ATAH dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab di samping menekankan subjek Matematik," ujar Ibu Laila



ROSLAILAWATI MOHAMAD



PELAJAR di ATAH menerima didikan menerusi kaedah bersepadu.

la yang telah menerapkan kaedah pembelajaran bersifat integrasi atau bersepadu itu sejak tahun 1985.

Sebelum mengasaskan ATAH yang ditubuhkan pada 1 April 2000, Ibu Laila bermula dengan membuka pusat jagaan

kanak-kanak daripada bayi hingga berusia empat tahun pada Januari 1985.

Kemudian, apabila mereka mencecah usia lima tahun, wanita berdedikasi ini menubuhkan pula tahfiz prasekolah yang dihadiri hampir 30 kanak-kanak di sebuah rumah di Jalan Raja Alang, Kampung Baru.

Melihat sambutan yang diterima semakin menggalakkan dengan kehadiran lebih 80 kanak-kanak di tahfiz prasekolah itu, Ibu Laila membuat ke-

putusan berpindah ke sebuah rumah yang lebih besar di Lorong Daud, Kampung Baru.

Dari situlah dia memulakan sistem baru dengan menggunakan medium Bahasa Inggeris dalam subjek Matematik, Sains dan Pengajian Islam seperti Sirah Nabawiyah dan Fikah.

Ternyata kaedah yang digunapakai mampu meningkatkan intelektual, spiritual, perkembangan fizikal dan menjadikan anak-anak di sana lebih kreatif dan inovatif.

"Kita nampak keseimbangan membentuk seorang manusia amat penting dengan menekankan kepada empat aspek tersebut kerana dengannya kanak-kanak akan menjadi cemerlang dan menjadi individu yang luar biasa dalam aspek pencapaian akademik dan sosial," ungkapnya sambil memberita-

hu semua anaknya kecuali yang sulung berjaya menamatkan pengajian di sekolah tersebut.

Salah seorang anak Ibu Laila yang berpeluang belajar di tahfiz pra-sekolah dan ATAH, Ahmad Abdul Hadi Samat, 21, melahirkan rasa syukur dan terharu di atas kerja keras yang dilakukan bonda tersayang.

"Alhamdulillah, ibu telah memberikan saya satu pendidikan yang sempurna untuk kehidupan dunia dan akhirat. Sebagai anak, memang saya bangga dengan pencapaian ibu sehingga ke hari ini.

"Ibu memang menyerahkan seluruh jiwa dan raganya untuk melihat anak-anak beragama Islam memperoleh kejayaan sama ada bersifat duniawi mahupun ukhrawi.

"Moga Allah terus mengurniakan kekuatan dan ketabahan untuk ibu mengendalikan akademi tahfiz ini," tutur Ahmad yang telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dan mencatat keputusan 11A di dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM 2007) dan kini menyambung pengajian di Akademi Laut Malaysia (ALAM) dalam bidang kejuruteraan.

Selain Ahmad, anak-anak Ibu Laila yang lain ialah Siti Nurul Fatimah (25), Asma (24), Nur Sakinah (23), Ahmad Abdul Hakim (18), Nur Atiqah (15) dan Muhammad Hanis (13).



KELUARGA besar Ibu Laila boleh dijadikan contoh dalam masyarakat moden hari ini.

Mampu didik anak autisme

DIKURNIAKAN seorang anak yang disahkan menghidap autisme, Ibu Laila langsung tidak kecewa sebaliknya reda dengan apa yang telah tersurat untuknya.

Nur Atiqah yang kini berusia 15 tahun dilahirkan dalam keadaan abnormal apabila lemas di dalam kandungan. Kesannya dia mengalami kecederaan otak dan sering mengalami serangan sawan yang ringan sejak lahir.

Kadang-kadang, dia akan senyap dan sukar untuk memberi tumpuan terhadap sesuatu perkara yang dipelajari atau dilihat. Malah, Atiqah hanya mula pandai bercakap pada usia lima tahun.

Namun, berkat usaha gigih Ibu Laila

yang tidak jemu mempraktikkan kaedah stimulasi bayi kepada Atiqah sejak lahir, ia berjaya memberikan hasil positif terhadap perkembangan fizikal dan mental anak keenamnya itu.

“Sejak hari pertama Atiqah lahir, ibu sudah mula memasang CD al-Quran sepanjang masa, dalam keadaan tidur dan jaga. Setiap hari dia diberi latihan perkembangan fizikal contohnya merangkak sejauh dua kilometer sehari.

“Maknanya bagi mencapai jumlah tersebut, ibu perlu merangsang Atiqah supaya merangkak berulang alik sebanyak 500 kali dalam ruang dua meter yang telah disediakan untuknya,” kata Ibu Laila sambil membe-

ritahu rangsangan itu boleh menguatkan fizikalnya.

Di samping itu, untuk terapi percakapan dia menggunakan kaedah menyanyi atau bernasyid dengan Atiqah kerana kanak-kanak amat gemar dengan rentak dan irama.

Impak daripada terapi yang dilakukan Ibu Laila seperti memasang CD al-Quran dari pagi sampai anaknya tidur, sedar tak sedar pada usia enam tahun Atiqah berjaya menghafal satu juzuk (juzuk 30) dari Surah An-Nas hingga An-Nabak.

Kini, Atiqah sudah mampu menghafaz lima juzuk al-Quran termasuk empat surah utama seperti Yasin, al-Mulk, Sajadah dan ad-Dukhan.

- ATAH kini mempunyai 200 pelajar dalam pelbagai peringkat pembelajaran bermula daripada pratahfiz, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian khusus hafazan al-Quran.
- Di sana terdapat juga sekelompok pelajar yang lemah dan lambat untuk memahami sesuatu pelajaran.
- Untuk itu, kumpulan pelajar ini telah mengikuti kaedah baru iaitu kelas teater yang diperkenalkan tahun lalu.
- Kelas ini membantu mereka meningkatkan keyakinan diri seperti boleh bercakap di depan orang ramai dan bertindak sebagai pemimpin.
- Pelajar-pelajar ini dibimbing oleh bekas pelajar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), Saiful Mohd. Ghazali dan menunjukkan kemampuan untuk menghafal skrip teater dengan baik.
- Kumpulan teater ATAH telah berjaya memberikan satu persembahan terbaik dalam dua program teater amal yang dilaksanakan awal tahun ini.

Sekolah Bersepadu ATAH (Akademi Tahfiz Al-Hidayah)

No. 19, Jalan Gurney 3, 54000 Kuala Lumpur.

Telefon: 03-2691 8134,

03-2698 3831

E-mel: sekolah.atah@gmail.com

Laman web:

<http://www.atah.edu.my>